

## Tangani masalah kanak-kanak secara lebih berhemah

**T**iada siapa yang tidak berduka dengan berita kanak-kanak atau remaja yang mengalami tragedi akibat punca yang tidak sepatutnya.

Ia mengundang rasa marah yang tidak berkepujian. Sabarlah duhai bonda yang melahirkan, zuriat tercinta kini pergi kerana tidak mampu memujuk hati. Ini bukan yang pertama dan saya pasti bukan yang terakhir juga.

Walaupun tidak mengetahui

fakta yang tepat, kes yang berlaku hampir pasti berpunca daripada wujudnya tekanan melampau yang dialami seorang pelajar baharu berusia 14 tahun dalam kes di Pulau-Pinang, baru-baru ini.

Ia tidak sama seperti putus cinta, bukan juga jika dimarahi ibu bapa. Jika benar punca kematiannya seperti didakwa, dituduh mencuri oleh seseorang yang cukup dihormati, tempat diri mengharapkan didikan dan santunan peribadi, pastinya sukar diterima remaja ini.

Mengambil keputusan untuk membunuh diri akibat tekanan

perasaan bukanlah perkara baharu. Ia terjadi di mana-mana sabaja dan dalam pelbagai peringkat umur yang berbeza.

Mutakhir ini pula ia menjadi perkara biasa oleh pelbagai antutan agama. Tidak cukup dengan itu, ada yang bukan sekadar membunuh diri, tetapi juga anak yang tidak berdosa turut 'dibawa pergi.'

### **Kes tekanan perasaan**

Namun, sekiranya ada jalan penyelesaian yang betul, pastinya kes tekanan perasaan yang membabitkan pelajar sekolah dapat dielakkan.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Presiden MIC, Datuk Seri S Subramaniam pihak sekolah yang mematuhi prosedur pengendalian berkaitan masalah disiplin boleh menangani kes sebegini dengan lebih berhemah.

Garis panduan yang digunakan di sekolah dalam mengendalikan kes disiplin mengambil kira kepentingan hak setiap murid dan pelajar untuk mendapatkan keadilan.

Seperti juga orang dewasa, setiap remaja dan kanak-kanak tidak boleh dinafikan hak untuk menjalani kehidupan dengan selamat dan terjamin menurut undang-undang.

Sebagai negara yang mengiktiraf Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak Kanak-Kanak, setiap undang-undang, dasar, peraturan, norma dan sosiobudaya setiap remaja, kanak-kanak perlulah mengikut kaca mata hak asasi yang tidak bertentangan dengan instrumen antarabangsa terbabit.

Secara umumnya, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak mendorong kerajaan lebih bertanggungjawab menjaga kesejahteraan kanak-kanak, sekali gus mengiktiraf hak mereka.

Konvensyen itu juga menghu- raikan segala keperluan kanak-kanak yang mungkin berbeza dengan keperluan orang dewasa.

Antara hak setiap kanak-kanak ialah untuk hidup, membesar dengan sihat, menikmati taraf hidup dan pemeliharaan yang sempurna serta belaian kasih sayang dalam suasana kekeluargaan.

### **Berhak dapat perlindungan**

Mereka juga berhak mendapat identiti sebagai individu dan warganegara, perlindungan dari kesukaran atau rintangan dalam hidup semasa dalam kecemasan, peperangan, pelarian, keadaan tidak berupaya dan dari eksploitasi atau jenayah.

Konvensyen itu juga menghu-

raikan segala keperluan kanak-kanak yang berbeza dengan keperluan orang dewasa, mengambil kira keperluan seperti kerjasama antarabangsa dalam usaha memberi perlindungan kepada kanak-kanak.

### **Peranan keluarga**

Selain itu, peranan dan tanggungjawab keluarga dan negara dalam memberi perlindungan dan menjaga kepentingan serta membenarkan mereka membesar mengikut budaya, kepercayaan atau agama keluarga.

Justeru, dengan pelbagai kes kecuaihan pihak berkuasa, golongan dewasa dan lapisan masyarakat dalam memastikan kanak-kanak disantuni dengan baik sesuai hak mereka menurut fitrah insani, agama dan undang-undang, adalah diharapkan semua pihak membuka mata.

Semua pihak perlu melihat penganiayaan terhadap mereka bukan sahaja sebagai pelanggaran hak asasi manusia, tetapi pencabulan terhadap agama juga.

### **Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh,**

Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia & Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia



**Keratan akhbar BH**  
2 Februari lalu.